



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

---

## **PEKELILING PENOLONG NAIB CANSELOR (PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN INFOSTRUKTUR)**

---

**Bilangan 2 Tahun 2018**

### **DASAR PENJIMATAN KOS DAN PERUBAHAN SKOP KERJA BAGI KONTRAK PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN DAN PENCUCIAN BANGUNAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SHAH ALAM**

#### **TUJUAN**

1. Pekeling ini bertujuan memaklumkan dasar penjimatan kos dan perubahan skop kerja yang telah dilaksanakan bagi semua kontrak perkhidmatan pembersihan dan pencucian bangunan kepada semua PTJ di UiTM Shah Alam.

#### **LATAR BELAKANG**

2. Berikutan dasar penjimatan kos yang dimaklumkan melalui Pekeling Naib Canselor Bilangan 10 Tahun 2016 – Garis Panduan Strategi Bajet Universiti Teknologi MARA Tahun 2017 dan Amanat Naib Canselor Tahun 2017 maka terdapat beberapa perubahan seperti berikut :
  - a) Tisu tidak lagi dibekalkan dan hanya dibekalkan dengan *hand dryer* dan *soap dispenser* di semua tandas kecuali di Bangunan Canseleri.
  - b) Ruang –ruang bangunan dibahagikan kepada 3 kategori seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Kategori Ruang</b>	<b>Definisi</b>	<b>Nama Ruang</b>
1	<i>Common area</i>	Ruang yang boleh diguna oleh semua orang tanpa sekatkan kecuali dalam keadaan tertentu	Koridor, lobi, tandas, tangga, parking, pejabat am, ruang menunggu, gimnasium, surau, masjid, perpustakaan, pos keselamatan
2	<i>Limited Common Area</i>	Ruang yang boleh diguna oleh semua orang tetapi terhad kepada seseorang atau sekumpulan orang sahaja.	Bilik Pejabat, Pusat Pelajar, Bilik Mesyuarat, Dewan Kuliah, Bilik Kuliah, Dewan Seminar, Perpustakaan, Makmal Komputer, Studio, Bilik Kostum, Pantri

3	<i>Authorised Personal Area</i>	Ruang yang hanya boleh diguna oleh orang-orang berkebenaran sahaja	Bilik asrama, Makmal Penyelidikan, Bilik Kebal, Bilik Riser, Bilik Server, Bilik Mayat, Bilik Rawatan, Bilik Siasatan, Rumah Staf Residen, Stor
---	---------------------------------	--------------------------------------------------------------------	-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

- c) Terdapat juga skop kerja yang telah dikategorikan sebagai "Kerja On Demand" iaitu kerja-kerja hanya dijalankan berdasarkan keperluan dan permintaan daripada pihak *end user* seperti berikut:
- i) Kerja *buffing, spray buff* atau *dry cut* lantai
  - ii) Kerja *scrubbing, stripping, sealing* atau *polishing* lantai
  - iii) Kerja syampu karpet
  - iv) Kerja *water jetting* longkang, bumbung rata konkrit, *gutter* dan *interlocking pavement*
  - v) Kerja membersih bilik pelajar/ Rumah Staf Residen/ Bilik Pensyarah/ Makmal atau ruang berkebenaran
  - vi) Kerja vakum karpet
  - vii) Kerja syampu lantai
  - viii) Kerja mengelap perabut, kaca dan perkakasan elektrik.

#### TUJUAN PELAKSANAAN


3. Perubahan skop kerja ini bertujuan menyokong dasar penjimatan kos dan meningkatkan lagi mutu perkhidmatan pembersihan dan pencucian bangunan.

#### TARIKH DIKELUARKAN

4. Pekeliling ini dikeluarkan pada **17 Januari 2018**.

#### TARIKH KUATKUASA

5. Pekeliling ini berkuatkuasa **serta merta**



**PROF. MADYA DR. HJ. MOHD FOZI ALI**  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan Infrastruktur & Infostruktur)

17 Januari 2018

*Di kelilingkan kepada:*  
*Semua Ketua Jabatan / Bahagian / Pusat / Unit*  
*Semua Dekan-Dekan Fakulti*

*Bil Fail :* 100-PPII(PTA. 6/7/2)